

31 OCT 1998

Abdullah-Politik

RUSUHAN ADALAH TINDAKAN KHIANATI MAJORITI RAKYAT, KATA ABDULLAH

SEPANG, 31 Okt (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata tindakan penyokong-penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mencetuskan rusuhan adalah mengkhianati majoriti rakyat negara ini yang cintakan keamanan dan kedamaian.

Beliau berkata kini sudah timbul suara daripada majoriti rakyat yang tidak mahu kehidupan harian mereka dikacau serta kestabilan politik negara diganggu-gugat.

"Mereka (perusuh) seolah-olah tidak mahu ambil peduli (suara majoriti). Pasal seorang mereka sanggup merusuh," katanya ketika berucap pada majlis bersama rakyat anjuran Umno Bahagian Sepang di Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi di sini.

Sehubungan itu beliau meminta ahli-ahli Umno mengambil satu sikap tegas mengutuk sekeras-kerasnya golongan perusuh itu memandangkan Umno perlu meneruskan peranannya mempertahankan kedaulatan dan kestabilan negara dari apa jua ancaman.

"Rusuhan-rusuhan ini akan mengakibatkan kemungkinan pelabur-pelabur tidak datang. Dan kalau ini dibiarkan ianya akan menjejaskan serta melambatkan usaha pemulihan ekonomi seperti yang diharapkan," katanya.

Abdullah berkata kumpulan pembangkang seperti Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) sebenarnya bukan sayang sangat pada Anwar tetapi sebaliknya mengambil kesempatan sama seperti pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan lain dari isu Anwar.

"Setahu saya dalam sejarah Pas dan DAP tidak pernah suka Anwar. Oleh itu mereka menanggung di air keruh bagi mencapai agenda sendiri," katanya.

Beliau berkata ahli-ahli Umno perlu sedar bahawa Anwar yang juga bekas Timbalan Presiden parti telah diberikan peluang sebanyak dua kali dan bukannya sekali bagi menjelaskan kedudukannya di Majlis Tertinggi.

Abdullah berkata ini adalah berbeza dengan kes Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang tidak diberi peluang sedemikian dan menambah kata keputusan pemecatan Anwar berdasarkan keputusan sebulat suara.

Bercakap mengenai soal ekonomi, Abdullah yang juga Menteri Luar berkata bahawa langkah-langkah ekonomi yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti penetapan nilai matawang kini mula mendapat perhatian dan sokongan luar dan jika berhasil memulihkan ekonomi negara, berkemungkinan ia akan menjadi ikutan negara membangun lain.

"Jika berhasil, mereka akan sedar bahawa bukan sahaja IMF, tapi rupa-rupanya ada ubat lain yang boleh dipakai oleh negara-negara membangun lain dengan dibuat penyesuaian sendiri," katanya.

-- BERNAMA

RV oba